

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27 JANUARY 2017

Deklarasi Setapak 1967 kekal ideologi DAP

BH - 27/1/2017

➔ Bukti kukuh kerjasama demi dapatkan sokongan orang Melayu

Oleh Nazura Ngah,
Siti Fatimah Mohamed
Anwar dan Muhammad
Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Georgetown

Perjuangan utama DAP untuk menolak golongan Bumiputera seperti termaktub dalam Deklarasi Setapak 1967 didakwa menjadi bukti kukuh bahawa parti itu sememangnya tidak sebulu dengan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Naib Pengerusi DAP, Zulkifli Mohd Noor, berkata deklarasi itu antara lain membuktikan DAP hanya berminat memperkudakan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu demi meraih sokongan kaum Melayu.

Katanya, tindakan DAP memperguna bekas Perdana Menteri itu dipercayai berpunca apabila pakatan pembangkang kini dilihat agak goyah, selain kekurangan pemimpin berkaliiber selepas Datuk Seri Anwar Ib-

rahim dipenjarakan.

Kapitalis, diktator

"Inilah realiti DAP. Apa sahaja peruntukan diluluskan bagi golongan Bumiputera, DAP akan menentang. Mereka (DAP) ini boleh dianggap sebagai kapitalis, rasis, cauvenis dan diktator.

"Mereka sanggup lakukan apa sahaja semata-mata untuk merealisasikan agenda peribadi diri, termasuk bekerjasama dengan musuh politik mereka sejak puluhan tahun dahulu (iaitu Dr Mahathir)," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas dakwaan DAP tidak pernah mempercayai Dr Mahathir, selepas perkara itu dikatakan dibangkitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa DAP Pulau Pinang, baru-baru ini.

Difahamkan, ada pemimpin DAP turut membangkit persoalan berhubung bagaimana bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim menerima maklumat berhubung pertemuan antara Lim Kit Siang dan Dr Mahathir.

Dalam pada itu, Zulkifli yang juga Presiden Parti Alternatif Rakyat (PAR) turut menyifatkan hubungan antara Kit Siang dan Dr Mahathir sebagai dua lembu tua dalam kandang berbeza tetapi masih memperjuangkan ideologi sama.

"Mereka ini boleh duduk, makan dan bersembang bersama tetapi dalam hati masing-masing



Inilah realiti DAP. Apa sahaja peruntukan diluluskan bagi golongan Bumiputera, DAP akan menentang"

Zulkifli Mohd Noor,
Bekas Naib Pengerusi DAP

saling membenci. Mereka hanya utamakan perjuangan peribadi masing-masing," katanya.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa DAP Pulau Pinang merangkap Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar negeri, Phee Boon Poh, ketika dihubungi bagaimanapun enggan mengulas lanjut, walaupun mengakui DAP ada menganjurkan mesyuarat parti baru-baru ini.

Nafi adakan perbincangan

Namun, Naib Pengerusi DAP negeri, Zairil Khir Johari, menafikan dakwaan terbabit selain menegaskan tiada perbincangan mengenai hubungan antara Kit Siang dan Dr Mahathir dibangkitkan dalam mesyuarat dihadapinya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan PAS, Dr Mohd Zuhdi Marzuki, berkata Dr Mahathir perlu menjauhi DAP jika mahu menjayakan kerjasama antara PPBM dan PAS.

Katanya, ketika Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin berusaha mewujudkan kerjasama itu, Dr Mahathir pula terus masuk ke perangkap DAP yang sebelum ini dilihat beliau sebagai parti cauvinis dan anti Islam.

Beliau berkata, usaha mendaulatkan Islam sebagai penyelesaian sebenar kepada kemelut dihadapi negara termasuk krisis integriti tidak mungkin dapat dilaksanakan jika DAP terbabit.